



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3)
DIVISYEN PELABURAN DAN UNDANG-UNDANG
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
DIVISYEN PELABURAN DAN UNDANG-UNDANG
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan
2. Berkemahiran dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) serta menggunakan komputer dengan baik.
3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
4. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:
 - i) Peperiksaan Jabatan (Jika ada).
 - ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan perkhidmatan.
 - iii) Peraturan-Peraturan Kewangan

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberi nasihat dari segi undang-undang termasuk penyediaan dokumen / perjanjian / kontrak / surat tawaran bagi Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dan divisyen-divisyen di bawah Kementerian Pembangunan;
2. Membantu dalam penyediaan atau penelitian deraf atau dokumen perjanjian, konvesyen atau memorandum persefahaman (*Memorandum of Understanding – MOU*) di antara Kementerian Pembangunan dengan agensi-agensi yang berkenaan dalam atau dengan agensi-agensi di negara-negara lain (*government to government*) atau organisasi antarabangsa seperti ASEAN;
3. Memberi pandangan, penjelasan, tafsiran-tafsiran dan kesan undang-undang ataupun mana-mana dokumen perundangan (perjanjian/kontrak/MOU) dalam konteks pelaksanaan dan penggunaannya;



4. Menyemak deraf garispanduan atau manual proses kerja untuk digunakan oleh agensi-agensi khususnya dalam bidang penguatkuasaan atau badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan;
5. Menyediakan dan meneliti deraf surat, notis dan perintah penguatkuasaan seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang;
6. Penelitian kertas siasatan kes-kes penguatkuasaan sama ada terdapat bukti yang mencukupi untuk membuktikan pelakuan kesalahan di bawah akta/perintah/peraturan untuk pertimbangan kompaun atau pendakwaan;
7. Meneliti undang-undang semasa di bawah kuasa Kementerian Pembangunan dan/atau Jabatan-Jabatan di bawahnya untuk tujuan pengemaskinian dan pindaan;
8. Membantu Jabatan/Agensi/Divisyen berkenaan dalam menyediakan deraf undang-undang baru atau pindaan;
9. Menyediakan dan memberikan taklimat mengenai dengan undang-undang kepada Divisyen atau Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan;
10. Memberi pandangan/nasihat undang-undang kepada Lembaga-Lembaga dalam bidangkuasa Kementerian Pembangunan seperti Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (*Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors-BAPEQS*), Lembaga Pemaju Perumahan (*Board of Housing Developers-BHD*) atau Lembaga Penilai dan Ejen Hartanah (*Board of Valuers and Estate Agents-BOVEA*); dan
11. Mengendalikan tugas-tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Eksekutif Kanan Kementerian Pembangunan.